

**TEKS UCPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
SRI PERDANA  
MAJLIS PENYERAHAN VAN UNTUK UNIT BERGERAK PENCEGAHAN  
DADAH  
18 JULAI 1990**

Yang Berbahagia Tan Sri Basir Ismail, Pengerusi PETRONAS; Yang Berbahagia Mr. Wiberg, Regional Representative UNDP; Yang Berbahagia Encik Zainuddin Abdul Bahari, Pengarah Pasukan Petugas Anti Dadah; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di majlis pada petang ini. Saya mengucapkan terimakasih kepada PETRONAS dan United Nations Fund For Drug Abuse Control atau UNFDAC yang telah menyumbangkan tiga buah van untuk Unit Bergerak Pencegahan Dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Masalah dadah di negara kita adalah satu masalah yang amat serius. Semenjak usaha-usaha untuk mengesan penagihan dadah di negara ini dimulakan pada tahun 1970, kira-kira 7,000 penagih telah dikesan pada setiap tahun. Angka yang paling tinggi dikesan ialah pada tahun 1983 apabila seramai 14,624 orang telah dikesan sebagai penagih untuk kali yang pertama. Jumlah penagih berulang sentiasa mengatasi penagih baru iaitu dengan nisbah 60% penagih berulang dan 40% penagih baru. Pada tahun 1989 angka yang dikesan ialah 6,960, iaitu angka yang terendah dalam dekad 80-an. Daripada angka ini didapati bahawa kira-kira 75% adalah di bawah umur 30 tahun dan 3% adalah murid-murid sekolah. Ini jelas menunjukkan bahawagolongan belia merupakan kumpulan yang paling tinggi risiko dalam penglibatan dengan dadah. Belia merupakan harapan negara pada masa yang akan datang. Oleh yang demikian tindakan segera perlu diambil untuk menyelamatkan belia-belia kita daripada gejala penagihan dadah.

3. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tegas, khususnya dalam bidang pencegahan, untuk mengawal masalah ini. Usaha-usaha daripada pihak Kerajaan sahaja tidak akan dapat mencapai matlamat membanteras dadah sekiranya masyarakat tidak bersama-sama membantu. Oleh itu kerajaan telah juga menggalakkan penyertaan masyarakat melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sektor swasta.

4. Penglibatan pihak swasta adalah sangat perlu dan penting kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang boleh membantu kerajaan membanteras masalah dadah. Pihak swasta boleh menganggap sumbangan mereka sebagai perkhidmatan kepada masyarakat oleh kerana segala sumbangan mereka adalah untuk kebajikan masyarakat. Saya difahamkan bahawa beberapa syarikat swasta telahpun memberi sumbangan kepada kementerian anti dadah khususnya kepada usaha-usaha di

bidang pencegahan. Saya berharap penglibatan pihak swasta dalam usaha membanteras dadah dapat dikekalkan dan diteruskan.

5. Sumbangan daripada pihak swasta seperti PETRONAS ini sangatlah diperlukan. Seperti yang dinyatakan tadi, Unit-Unit Bergerak ini bertujuan untuk aktiviti-aktiviti pencegahan dadah di sekolah-sekolah dan kawasan-kawasan berisiko tinggi di seluruh Semenanjung Malaysia. Perangkaan telah menunjukkan bahawa ramai belia telah menjadi penagih dadah kerana mereka tidak mengetahui akan bahaya dan akibat penagihan dadah. Adalah diharapkan Unit-Unit ini akan dapat menyampaikan mesej bahaya dadah dengan lebih berkesan kepada lebih ramai belia, kanak-kanak sekolah dan ibu bapa supaya mereka akan menjauhi dadah. Unit-Unit ini juga ada kemudahan untuk mengadakan sesi kaunseling kepada belia-belie atau kanak-kanak yang berisiko tinggi atau bekas penagih atau ibu bapa yang sedang menghadapi masalah penagihan dadah dalam keluarga mereka.

6. Unit-Unit ini telah dibentuk dengan menggunakan pendekatan 'multi disciplinary'. Memandangkan Unit Bergerak Pencegahan Dadah ini akan membawa faedah kepada masyarakat khususnya kepada golongan kanak-kanak sekolah dan belia, saya berharap syarikat-syarikat lain dapat tampil ke hadapan, secara individu atau kumpulan, untuk menyumbang Unit-Unit Bergerak yang sama. Jika boleh setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak perlu mengadakan sekurang-kurangnya satu Unit Bergerak jenis ini. Bagi tujuan tersebut saya berharap syarikat-syarikat swasta lain dapat mengikut jejak langkah PETRONAS.

7. Agensi-agensi antarabangsa juga telah menyedari kepentingan Unit Bergerak Pencegahan Dadah ini dalam usaha pencegahan dadah di Malaysia. Pihak United Nations Fund For Drug Abuse Control telah pun menyumbangkan dua buah Unit Bergerak kepada Kerajaan Malaysia. Ladies and Gentlemen,

8. The Malaysian Government would like to thank the United Nations Fund For Drug Abuse Control or UNFDAC and PETRONAS for the generous gift of the Mobile Units For Drug Prevention. The Anti Narcotics Task Force and other antidrug agencies will ensure that the two units donated by UNFDAC and the one unit donated by PETRONAS will be put to maximum utilization especially to schools and high risk areas.

9. Of course these units by themselves are insufficient to really do a proper job. In this regard I would like to urge more private sector companies to come forward either individually or as a group to sponsor similar mobile units. It is my sincere hope that they will respond positively for I believe that this is a unique, novel and effective way to reach the hearts and minds of our youths, students and the community at large. It would be most helpful if each state including Sabah and Sarawak were eventually to have their own mobile units.

10. As you are aware the problem of drug abuse has affected almost all countries and the number of drug abusers has increased. No country can handle the problem single handed. It requires a serious and concerted effort at all levels by all countries, and

international agencies will emulate the example set by UNFDAC in assisting countries in the fight against drug abuse and illicit trafficking. We hope UNFDAC would continue to support Malaysia's drug effort in the years to come.

Para hadirin sekalian,

11. Akhir kata saya berdoa agar Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberikan petunjuk dan hidayahNya kepada kita semua bagi menjayakan segala apa juga tindakan dan usaha pencegahan dadah ini demi masa depan yang terjamin bagi generasi kita yang akan datang.

Terima kasih.